



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 22 MAC 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 22 Mac 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,495 kes** (318,784 kes kumulatif, 95.4%);
- Kes baharu : **1,116 kes** (334,156 kes kumulatif);
- Kes import : **8 kes** (5 warganegara; 3 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **1,108 kes** [722 warganegara (65.2%); 386 bukan warganegara (34.8%)];
- Kes aktif : **14,134 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **156 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **60 kes**; dan
- Kes kematian : **5 kes** (1,238 kes kumulatif, 0.37%; 4 warganegara; 1 bukan warganegara).

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **403 kes (36.1 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **337 kes (83.6 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **158 kes (14.2 peratus)** dan Sarawak sebanyak **124 kes (11.1 peratus)**.

Sebanyak **77 kes (6.9 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (55 kes), Kluster Tembok Tapah (8 kes), Kluster Tembok Taiping (6 kes), Kluster Jalan Awang (2 kes), Kluster DTI Machap Umboo (2 kes), Kluster DTI Sepang 2 (1 kes), Kluster Telok Mas (1 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (1 kes), dan Kluster Tembok Bukit Besi (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan masing-masing satu (1) kes di Negeri Sembilan, Sabah, Pahang, Pulau Pinang, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebanyak empat (4) kes kematian melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 22 Mac 2021:

- Jumlah kluster : **1,307 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **10 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **896 kluster** (termasuk **15 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Bursa, Kluster Selambau, Kluster Jalan Air Hitam, Kluster Jun Heng, Kluster Ladang Tangkarason, Kluster Industri Serkam, Kluster Jalan Seroja, Kluster Jalan Telok Gong, Kluster Jalan Klinik, Kluster Plastik Subang, Kluster Tapak Bina Jalan Stadium, Kluster Tapak Bina Jalan Kota, Kluster Batu Dua Setengah, Kluster Perdana Tiga, dan Kluster Pasar Jalan Putra**);
- Jumlah kluster aktif : **411 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **64 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tapak Bina Jalan Usahawan**

**(70 kes), Kluster Tanjung Suria (70 kes), dan Kluster Penjara Jalan Harapan (55 kes).**

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **10 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan lapan (8) kluster tempat kerja dan dua (2) kluster komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1	Taman Tunku	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
2	Tapak Bina Jalan Usahawan	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
3	Batu 22	Johor	Tempat Kerja
4	Jalan Tenteram	Johor	Tempat Kerja
5	Jalan Kemajuan	WP Labuan	Tempat Kerja
6	Jalan Helang	Selangor	Tempat Kerja
7	Jalan Gambang	Pahang	Tempat Kerja
8	Industri Permata	Negeri Sembilan	Tempat Kerja
9	Rajang	Sarawak	Komuniti
10	Jalan Belimbing	Johor	Komuniti

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

22 Mac 2021 @ 5.00 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 22 MAC 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	403 (1)	112,309
<b>SABAH</b>	36	54,295
<b>JOHOR</b>	86	40,100
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	158 (4)	37,225
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	41	16,997
<b>PULAU PINANG</b>	88	14,725
<b>SARAWAK</b>	124 (3)	14,374
<b>PERAK</b>	39	12,709
<b>KEDAH</b>	27	8,117
<b>MELAKA</b>	12	6,298
<b>KELANTAN</b>	44	5,665
<b>PAHANG</b>	42	4,050
<b>TERENGGANU</b>	3	3,560
<b>WP LABUAN</b>	8	2,287
<b>WP PUTRAJAYA</b>	5	1,119
<b>PERLIS</b>	0	326
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,116 (8)</b>	<b>334,156</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Perincian 1,116 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 22 Mac 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 403 kes**

- 221 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Helang**;
- 116 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 65 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 158 kes**

- 110 kes daripada kluster-kluster, termasuk 73 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Usahawan dan Kluster Taman Tunku**;
- 27 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Empat (4) kes import dari luar negara; dan
- 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 124 kes**

- 16 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Rajang**;

- 71 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Tiga (3) kes import dari luar negara; dan
  - 34 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 88 kes**
    - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
    - 38 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 49 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 86 kes**
    - 38 kes daripada kluster-kluster, termasuk 21 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Batu 22, Kluster Jalan Belimbing, dan Kluster Jalan Tenteram**;
    - 20 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 28 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 44 kes**
    - 14 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - 26 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.



- **Pahang: 42 kes**

- 27 kes daripada kluster-kluster, termasuk 19 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Gambang**;
- Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 41 kes**

- 34 kes daripada kluster-kluster, termasuk 26 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Industri Permata**;
- Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 39 kes**

- 19 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 16 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 36 kes**

- 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 27 kes**
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
  - 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 11 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Melaka: 12 kes**
  - 11 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Lapan (8) kes**
  - Tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Kemajuan**; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Lima (5) kes**
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
  - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Terengganu: Tiga (3) kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan

- Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan lima (5) kes kematian pada 22 Mac 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1234	314510	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	52	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	-
1235	321492	Sabah	Lelaki (WN)	68	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
1236	324929	Pahang	Perempuan (WN)	84	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
1237	327929	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	69	Hospital Pulau Pinang	Penyakit jantung dan dislipidemia
1238	333712	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	44	Jenazah dibawa ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit jantung

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

**Perincian 10 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER JALAN HELANG**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Langat di Selangor. Dua (2) kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-321449 dan kes ke-321450) dilaporkan positif COVID-19 pada 13 Mac 2021 hasil saringan individu-individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Helang, Telok Panglima Garang, Kuala Langat. Sehingga 22 Mac 2021, sejumlah 109 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER TAPAK BINA JALAN USAHAWAN**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 20 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Jalan Usahawan 6, Setapak, Titiwangsa. Sehingga 22 Mac 2021, sejumlah 278 individu telah disaring, di mana **73 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 3. KLUSTER TAMAN TUNKU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong dan Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-329141) dilaporkan positif COVID-19 pada 19 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah restoran yang terletak di Taman Tunku, Bukit Tunku, Kepong. Sehingga 22 Mac 2021, sejumlah 64 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 4. KLUSTER JALAN TENTERAM

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-327804) dilaporkan positif COVID-19 pada 18 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pendidikan yang terletak di Jalan Tenteram, Tanjung Puteri, Johor Bahru. Sehingga 22 Mac 2021, sejumlah 38 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 5. KLUSTER BATU 22

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-327820) dilaporkan positif COVID-19 pada 18 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala.

Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Batu 22, Jalan Air Hitam, Taman Wawasan, Kulai. Sehingga 22 Mac 2021, sejumlah 123 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 6. KLUSTER JALAN GAMBANG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuantan di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-330032) dilaporkan positif COVID-19 pada 19 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pasar raya yang terletak di Jalan Gambang, Kuantan. Sehingga 22 Mac 2021, sejumlah 111 individu telah disaring, di mana **24 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 7. KLUSTER INDUSTRI PERMATA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 20 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Permata 1/5, *Arab Malaysian Industrial Park*, Nilai, Seremban. Sehingga 22 Mac 2021, sejumlah 73 individu telah disaring, di mana **28 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 8. KLUSTER JALAN KEMAJUAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Labuan di Wilayah Persekutuan Labuan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-331711) dilaporkan positif COVID-19 pada 20 Mac 2021 hasil saringan *sign off*. Kluster ini melibatkan pengunjung-pengunjung dan pekerja-pekerja sebuah restoran yang terletak di Jalan Kemajuan, Labuan. Sehingga 22 Mac 2021, sejumlah 31 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 9. KLUSTER RAJANG

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Sarikei, Tanjung Manis, dan Kuching di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-316080) dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Mac 2021 hasil saringan kontak rapat. Kluster ini melibatkan sebuah majlis pengebumian yang diadakan di Kampung Rajang, Tanjung Manis, Mukah pada 1 hingga 3 Mac 2021. Sehingga 22 Mac 2021, sejumlah 271 individu telah disaring, di mana **29 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 10. KLUSTER JALAN BELIMBING



Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-318632) dilaporkan positif COVID-19 pada 11 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes-kes yang dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Belimbing, Kampung Sri Paya, Kulai. Sehingga 22 Mac 2021, sejumlah 20 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.